

HADIS *FADA'IL AL-SUWAR* SEBAGAI MOTIVASI *TADABBUR AL-QUR'AN*: KAJIAN PERBANDINGAN ANTARA IBN KATHIR DAN AL-THA'ALIBIY DALAM TAFSIR SURAH AL-BAQARAH¹

Adnan Mohamed Yusoff

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia,
71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

E-Mail: adnan@usim.edu.my

Zulhilmi Mohamed Nor

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia,
71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

E-Mail: zulhilmi@usim.edu.my

ABSTRAK

Fadilat surah atau ayat dalam Quran merupakan suatu cabang daripada perbahasan ilmu-ilmu berkaitan Quran. Dalam masa yang sama ia juga terkandung dalam kitab-kitab hadis sebagai sebahagian dari topik utama periwayatan daripada baginda Rasulullah SAW serta para sahabat r.a. Dalam ilmu tafsir, nukilan riwayat mengenai fadilat ayat dan surah menjadi sebahagian dari tumpuan para mufasir bagi melengkapkan tafsiran mereka terhadap sesuatu ayat mahupun surah. Tradisi ini berkembang secara konsisten dan berstruktur sehingga menjadikan nukilan riwayat berkaitan *fada'il* sebagai sebahagian dari komponen utama mukadimah tafsir sesuatu surah dalam kitab-kitab tafsir termasyhur. Walau bagaimanapun, dalam konteks ini beberapa isu timbul dalam kalangan pengkaji terutama berkaitan kualiti hadis atau riwayat yang dipaparkan. Selain itu, hubungkait antara fadilat yang disebut dalam sesuatu hadis atau riwayat dengan kandungan serta objektif surah berkenaan turut menarik perhatian untuk dikaji, lebih-lebih lagi dalam usaha untuk mencerap, menyerap serta menerapkannya dalam amalan hidup harian sehingga membentuk sebuah nilai diri unggul berteras Quran seperti yang digambarkan oleh Sayyidatuna Aishah r.a mengenai sahsiah Rasulullah SAW sebagai sebuah peribadi Quran, serta seperti yang disifatkan oleh Sayyid Qutb r.a mengenai keperibadian generasi para sahabat r.a sebagai sebuah *jil Qura'an farid* (generasi Quran yang unik). Objektif utama kajian ini adalah untuk mengkaji, menilai dan merumuskan metode pemilihan hadis dua tokoh mufasir terkemuka dari aliran tafsir berasaskan riwayat iaitu Ibn Kathir dan al-Tha'alibiy dalam kitab tafsir mereka serta pendekatan mereka dalam menggabungkan maksud hadis atau riwayat berkenaan dengan kandungan serta objektif surah dalam konteks menarik perhatian para audiens untuk mencerap, menyerap serta menerapkannya dalam diri masing-masing dengan erti kata yang dimaksudkan sebagai *tadabbur al-Qur'an*. Kajian ini adalah berasaskan penelitian terhadap

¹ Penulisan ini adalah hasil dari projek penyelidikan di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) tajaan Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPT), dengan kod: FRGS/1/2019/SS103/USIM/02/5, bertajuk: Model Baharu Terjemahan Al-Quran Ke Bahasa Melayu Ke Arah Memperkasa Kefahaman Masyarakat Terhadap Al-Quran.

kedua-dua kitab tafsir dua tokoh ini serta kitab-kitab utama hadis sebagai sumber primer dan kitab-kitab takhrij serta takhik hadis sebagai sumber sekunder seterusnya kajian-kajian lain berkaitan kedua-dua tokoh ini, metodologi tafsir, *tadabbur al-Qur'an* dan lain-lain sebagai pelengkap. Antara jangkauan dapatan utama kajian ialah hadis dan riwayat berkaitan *fada'il suwar* sangat penting dalam menarik perhatian audiens untuk mengkaji dan mengahayati kandungan sesuatu surah, namun setiap mufasir atau pengkaji perlu bijak dalam menyaring, memilih dan mempersembahkannya. Selain itu, para mufasir atau pengkaji juga perlu kreatif dalam menganalisis hubungkait fadilat sesuatu surah seperti yang terkandung dalam sesuatu riwayat dengan kandungan tersurat atau tersirat surah berkenaan, bagi membentuk keperibadian serta sahsiah audiens selari dengan *maqasid al-Qur'an*.

Kata kunci: Fada'il Suwar, Ibn Kathir, al-Tha'alibiy, tadabbur, Quran.

PENGENALAN

Fada'il atau kata tunggalnya *fadilah*, dalam bahasa Arab membawa erti kelebihan atau kesitimewaan yang sering disandarkan kepada sesuatu bagi memberi gambaran tentang keutamaan, kemuliaan dan kebaikan dari sudut kedudukan atau kemanfaatannya. Penggunaan kata jamak *fada'il*, adalah bagi merujuk kepada banyaknya keutamaan, kemuliaan mahupun kebaikan pada kedudukan atau kemanfaatan sesuatu subjek berkenaan². Dalam konteks perbincangan mengenai *fada'il* surah atau ayat Quran, dapat dirumuskan bahawa maksud ungkapan ini di sisi para ulama ialah kelebihan atau kesitimewaan sesuatu surah atau ayat Quran dari sudut kedudukan mahupun kemanfaatan, dalam erti kata keutamaan, kemuliaan dan kebaikan yang ada padanya berdasarkan riwayat daripada para sahabat r.a dan Rasulullah SAW.

Sebagai sebuah kitab mukjizat sepanjang zaman, Quran memiliki berbagai kelebihan dan keistimewaan yang tidak terhitung dan tidak terbatas kepada sempadan waktu mahupun tempat. Kitab yang bukan sahaja menjadi panduan dan dustur kehidupan bagi umat sepanjang zaman, malah turut terkandung dan tersirat di dalamnya berbagai hukum dan hujah, hikmah dan hikmat, hakikat dan makrifat, inspirasi dan motivasi, serta berbagai lagi. Ibarat kata Sayidina Ali r.a: "Kitab Allah, di dalamnya ada berita umat sebelum kamu dan khabar umat selepas kamu, serta hukum tentang apa yang berlaku antara kamu. Ia adalah kata pemutus yang bukan persendaan. Sesiapa yang meninggalkannya kerana keangkuhan, nescaya Allah akan binasakannya; dan sesiapa yang mencari petunjuk daripada selainnya, nescaya Allah akan sesatkannya. Dialah tali Allah yang kukuh; dialah peringatan Allah yang penuh hikmah; dialah jalan yang lurus; dialah kitab yang memelihara hawa nafsu dari tergelincir; dan memelihara lisan dari terkeliru. Para ulama tidakkan pernah puas untuk

² Lihat: Abu al-Baq'a' al-Kafawiyy, Ayyub Bin Musa. T.th. *al-Kulliyat Mu'jam Fi al-Mustalahat Wa al-Furuq al-Lughawiyah*. Tah. Darwish, Adnan & al-Misriyy, Muhammad. Beirut: Mu'assasat al-Risalah. Hlm. 685; Rida, Ahmad. 1379H/1960. *Mu'jam Matn al-Lughah*. Beirut: Dar Maktabat al-Hayah. Jld. 4. Hlm. 423; Majma' al-Lughah al-Arabiyyah. T.th. *Al-Mu'jam al-Wasit*. Kaherah: Dar al-Da'wah. Jld. 2. Hlm. 693; Qal'ajiy, Muhammad Rawas & Qunaybiyy, Hamid Sadiq. 1408H/1988. *Mu'jam Lughat al-Fuqaha'*. T.tp.: Dar al-Nafa'is Li al-Tiba'ah Wa al-Nahsr Wa al-Tawzi'. Jld. 1. Hlm. 347.

mengkajinya; ia tidak akan menjemukan sekalipun banyak kali diulang baca; keajaibannya tidak pernah putus dan dialah yang apabila ayatnya didengar oleh sekumpulan jin, lantas mereka berkata: “Sesungguhnya kami mendengar sebuah kitab bacaan ajaib yang memberi petunjuk kepada kebijakan”. Sesiapa yang berkata-kata dengannya nescaya dia akan benar; sesiapa yang beramal dengannya nescaya dia akan diberi ganjaran; sesiapa yang menghukum dengannya nescaya dia akan adil; dan sesiapa yang menyeru kepadanya nescaya dia akan diberi petunjuk ke jalan lurus³.

Kelebihan dan keistimewaan ini antara lain dapat dilihat dari koleksi riwayat yang dinukilkan dari Rasulullah SAW dan para sahabat r.a. Kebesaran jumlah riwayat terkumpul mengenainya membawa kepada kemunculan sebuah sub topik khusus dalam karya ahli hadis malah sub bidang tersendiri dalam kajian berkaitan ilmu-ilmu Quran. Kesuburan perbincangan mengenainya dalam kalangan para ulama juga menyaksikan kelahiran berbagai karya berasingan bagi memberikan huraian serta pencerahan kepada masyarakat dan para pengkaji mengenai perbincangan dan persoalan berkaitan dengannya. Antara karya masyhur paling awal dalam konteks ini ialah sebuah kitab berjudul ‘Fada’il al-Quran Wa Ma’alimuh Wa Adabuh’ karya Abu Ubayd al-Qasim bin Salam, salah seorang tokoh ulama berjasa pada kurun ke-3H⁴. Tokoh hebat yang merupakan salah seorang guru kepada al-Imam al-Bukhariyy ini dikatakan meninggal dunia antara tahun 222-224H⁵. Kitab beliau ini menjadi rujukan dan sandaran utama kepada para ulama dan pengkaji yang menghasilkan karya atau menjalankan kajian dalam bidang ini selepas beliau sehingga ke hari ini⁶.

Di sebalik kesuburan perbincangan mengenai *fada’il* surah atau ayat dalam karya para ulama ini, didapati fokus sumbangan lebih tertumpu kepada usaha pengumpulan riwayat serta penilaian mengenai status kesahihannya; dan huraian maksud serta dorongan beramal dengan amalan yang disarankan di dalamnya. Jarang sekali kelihatan upaya untuk mengaitkan kelebihan atau keistimewaan yang disebutkan dalam riwayat berkenaan dengan kandungan surah, tema atau objektifnya dalam konteks memberikan panduan atau motivasi kepada para pembaca untuk menghayati surah atau ayat berkenaan. Usaha menghayati dan mendalami maksud Quran untuk diterjemahkan dalam bentuk amalan dan tindakan ini dalam konteks perkembangan pengajian Quran dewasa ini, disebut sebagai *tadabbur* Quran.

Justeru, kajian ini berusaha untuk menelusuri isu ini dalam konteks permbentangan *fada’il* surah al-Baqarah dalam karya dua tokoh mufasir terkemuka dalam aliran tafsir *bi al-ma’tsur*, iaitu al- Ibn Kathir dan Tha’alibiy sebagai sampel, bagi menyemarakkan lagi usaha tadabur Quran dalam kalangan masyarakat melalui petunjuk kelebihan dan keistimewaan sesuatu surah.

Latar belakang Ibn Kathir dan Tafsirnya

³ Ibn Kathir, Ismail Bin Umar. 1420H/1999. *Tafsir al-Qur’an al-Azim*. Tah. Salamah, Sami Bin Muhammad. T.tp.: Dar Tibah Li al-Nashr Wa al-Tawzi’. Jld. 1. Hlm. 21.

⁴ Abu Ubayd, al-Qasim Bin Salam. T.th. *Fada’il al-Qur’an Wa Ma’alimuh Wa Adabuh*. Tah. Al-Khayyatiyy, Ahmad Bin Abdul Wahid. Maghribi: Wizarat al-Awqaf Wa al-Shu’un al-Islamiyyah. Jld. 1. Hlm. 8-9.

⁵ Ibid. jld. 1. Hlm. 108.

⁶ Ibid. jld. 1. Hlm. 201-202.

Abu al-Fida' Ismail Bin Umar Bin Kathir al-Qurashiyy al-Dimashqiyy al-Shafi'iyy adalah seorang tokoh ulama tersohor dalam sejarah peradaban dan keilmuan Islam. Beliau dilahirkan pada tahun 700H di sebuah perkampungan bernama Mijdal⁷, berhampiran bandar Busra, di salah sebuah daerah yang terletak kira-kira 140 kilometer dari ibu kota negara Syria, Damsyiq⁸. Ketokohnya dalam berbagai disiplin ilmu Islam seperti tafsir dan ulum Quran, hadis dan ulum hadis, fikah dan usulnya, akidah dan perbandingan agama, sejarah dan ketamadunan umat, serta bahasa Arab dan kesusasteraannya terbukti melalui berbagai karya bermutunya yang menjadi rujukan sehingga kini⁹.

Ibn Kathir mendapat pendidikan awal daripada abangnya, Abdul Wahhab yang mengambil alih tanggungjawab sebagai ketua keluarga setelah bapa mereka yang merupakan seorang tokoh ulama dan khatib di daerah mereka, meninggal dunia pada tahun 703H¹⁰. Pada tahun 707H, mereka sekeluarga berhijrah ke Damsyiq dan Ibn Kathir meluaskan pengajiannya dengan para ulama di sana, selain meneruskan pengajian bersama abangnya yang tidak kurang hebat dari segi keilmuan, sehinggalah beliau meninggal dunia pada tahun 750H¹¹. Ibn Kathir menamatkan hafazan Quran bersama Qiraat pada tahun 711H iaitu ketika usianya 11 tahun dan diiktiraf sebagai seorang tokoh dalam ilmu Qiraat¹². Dalam ilmu hadis, beliau berguru dengan para ulama hadis dan para 'al-Hafiz' dalam ilmu hadis yang terkemuka di zamannya dan memberi tumpuan khas dalam mendalami dan mendapatkan ijazah daripada mereka dalam mempelajari kitab-kitab utama seperti 'Sahih Muslim', 'Tahzib al-Kamal' dan lain-lain sehingga beliau sendiri diberi gelaran 'al-Hafiz'. Dalam ilmu fikah dan usulnya, beliau menguasai kitab-kitab utama mazhab Syafie dari para ulama tersohor di zamannya. Selain itu, beliau merupakan murid setia kepada tokoh ulama reformis terhebat di zamannya iaitu Syeikh al-Islam Ibn Taymiyyah. Ketokohan dan ketegasan Ibn Taymiyyah dalam berhujah dan berijtihad banyak memberi kesan dalam pembinaan sahsiah intelektual Ibn Kathir. Beliau banyak menerapkan metodologi Ibn Taymiyyah dalam membina kerangka pemikiran serta konsep penyampaian ilmu dan dakwah. Malah, beliau sering mengambil pandangan serta mempertahankan pendapat gurunya ini dalam berbagai persoalan ilmiah sehingga beliau kerap disakiti oleh para penyanggah atas pendiriannya ini¹³.

Di penghujung hayatnya Ibn Kathir mencatatkan bahawa beliau kehilangan penglihatannya ketika sedang menyempurnakan penulisan kitab 'Jami' al-Masanid' dengan bercahayakan api pelita yang suram sehingga sedikit demi sedikit menjadi semakin kelam, seterusnya menjadi gelap bersama hilangnya penglihatan beliau. Beliau akhirnya meninggal dunia sebelum sempat menyelesaikan

⁷ Lihat: Ibn Kathir. *Tafsir al-Qur'an al-Azim*. Jld. 1. Hlm. 12.

⁸ <https://ar.wikipedia.org/wiki/%D8%A8%D8%B5%D8%B1%D9%89> (6/8/2020).

⁹ Lihat: Ibn Kathir, Ismail Bin Umar. 1416H. *Fada'il al-Qur'an*. T.tp.: Maktabat Ibn Taymiyyah. Hlm. 9-11, 16-17.

¹⁰ Lihat: Ibid. Hlm. 7.

¹¹ Lihat: Ibid.

¹² Lihat: Ibid.

¹³ Lihat: Ibid. Hlm. 7-9, 11.

penulisan kitab ini¹⁴, pada hari Khamis 25 Syaaban 774H dan disemadikan bersebelahan gurunya Ibn Taymiyyah di perkuburan al-Sufiyyah, Damsyiq, atas wasiat daripada beliau sendiri¹⁵.

Tafsir al-Qur'an al-Azim atau turut dikenali sebagai Tafsir Ibn Kathir merupakan antara karya ulung beliau yang sehingga kini menjadi rujukan para ulama dan mendapat perhatian meluas para pengkaji. Menurut al-Suyutiyy tafsir ini merupakan tafsir terbaik pernah dihasilkan selepas Tafsir al-Tabariyy¹⁶. Manakala al-Zahabiyy pula menambah bahawa dalam konteks kesempurnaan dan kesahihan dalam sejarah penulisan tafsir, Tafsir Ibn Kathir adalah pada tertib kedua terbaik selepas Tafsir al-Tabariyy¹⁷. Kepentingan kitab ini dalam pengajian tafsir amat jelas apabila berbagai usaha dilakukan oleh para mufasir selepas beliau dengan menjadikan kitab ini sebagai medium menyampaikan panduan Quran kepada masyarakat terutama melalui peringkasan dan penterjemahan kepada berbagai bahasa. Antara ringkasan lengkap Tafsir Ibn Kathir yang tersebar luas dalam kalangan masyarakat hari ini ialah 'Mukhtasar Tafsir Ibn Kathir' oleh Muhammad Aliyy al-Sabuniyy, profesor ilmu tafsir di Fakulti Syariah dan Pengajian Islam, Universiti Raja Abdul Aziz, Mekah al-Mukarramah, atas permintaan dari penerbit Dar al-Quran al-Karim di Beirut, Lubnan, bagi memenuhi keperluan masyarakat awam yang tidak mempunyai latar belakang mendalam dalam ilmu-ilmu Islam¹⁸. Dalam konteks terjemahannya pula, kitab ini telah diterjemahkan ke berbagai bahasa termasuk bahasa Melayu seperti yang dikenali dengan nama 'Tafsir Ibnu Katsir Edisi Telaga Biru', terbitan syarikat penerbitan di Malaysia, Telaga Biru¹⁹.

Latar belakang al-Tha'alibiy dan Tafsirnya

Abu Zayd Abdul Rahman Bin Muhammad Bin Makhluf al-Tha'alibiyy al-Jaza'iriyy al-Maghribiyy al-Malikiyy yang nasabnya bersambung sehingga kepada bapa saudara Rasulullah SAW Jaafar Bin Abi Thalib²⁰, merupakan seorang tokoh ulama paling terkemuka dalam sejarah negara Algeria²¹. Kemasyhuran beliau ini tidak dapat disangkal apabila para sejarawan merakamkan bahawa nama ibu negara Algeria, Algiers yang merupakan tanah tumpah darahnya turut dikenali dalam kalangan masyarakat Barat Laut Benua Afrika dengan nama Algiers Sayyidi Abdul Rahman (*Jaza'ir Sayyidi*

¹⁴ Lihat: al-Jazriyy, Shamsuddin. *Al-Mas'ad al-Ahmad Fi Khatm Musnad al-Imam Ahmad*. Dlm: Al-Shaybaniyy, Ahmad Bin Muhammad Bin Hanbal. 1416H/1995. *Musnad al-Imam Ahmad*. Tah. Shakir, Ahmad Muhammad. Kaherah: Dar al-Hadith. Jld. 1. Hlm. 45.

¹⁵ Lihat: Ibn Kathir. *Fada'il al-Qur'an*. Hlm. 17.

¹⁶ Lihat: al-Suyutiyy, Abdul Rahman Bin Abu Bakr. 1403H. *Tabaqat al-Huffaz*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah. Hlm. 534.

¹⁷ Lihat: al-Zahabiyy, Muhammad Husayn. T.th. *al-Tafsir Wa al-Mufasssirun*. Kaherah: Maktabat Wahbah. Jld. 1. Hlm. 174.

¹⁸ Lihat: al-Sabuniyy, Muhammad Aliyy. 1402H/1981. *Mukhtasar Tafsir Ibn Kathir*. Beirut: Dar al-Qur'an al-Karim. Jld. 1. Hlm. 7-9.

¹⁹ Lihat: <https://www.telagabiru.com.my/products/tafsir-ibnu-katsir-edisi-telaga-biru> (6/8/2020).

²⁰ Lihat: Nur al-Al-Din Abd al-Qadir. T.th. *Safahat min Tarikh Madinat al-Jaza'ir Min Aqdam Usuriha Ila Intiha' al-Ahd al-Turkiyy*. Algeria: Dar al-Hadarah. Hlm. 176.

²¹ Ibid. hlm. 172

Abdil Rahman), malah negara Algeria sendiri adakalanya turut dikenali dengan nama sama²². Sehingga kini kompleks pemakaman tempat beliau disemadikan menjadi sebahagian dari mercu tanda yang dipelihara dan dilawati oleh warga Algeria dan para pelancong dari luar, malah seni bina serta seni hias yang menjadi simbol penghormatan masyarakat dan para pemerintah Algeria yang bersilih ganti terhadap sumbangan serta ketokohan beliau, turut menarik perhatian para pengkaji dari negara barat, sebelum para pengkaji setempat²³.

Al-Tha'alibiyy dilahirkan pada tahun 785H/1384M di sebuah perkampungan bernama Wadi Yassar yang terletak sekitar 86 kilometer ke arah tenggara dari ibu kota Algeria²⁴. Beliau mendapat pendidikan asas dari kedua ibu bapanya serta dari para ulama sekitar Algiers. Di penghujung kurun ke 8H/14M, beliau memulakan perjalanan menuntut ilmu ke luar daerah Algiers bersama bapanya menuju ke Tlemcen (Tilmisan) dan Bgayet (Bijayah). Beliau kembali ke Algiers atas faktor kematian bapanya ketika berada di Bgayet sekitar tahun 802H/1399M. Setelah itu, beliau kembali ke Bgayet dan meneruskan pengajiannya bersama para ulama tersohor di sana selama hampir tujuh tahun. Pada tahun 809H/1406M, beliau berhijrah ke Tunisia dan berada di sana untuk menimba ilmu serta mendapat ijazah daripada para ulama terkemukanya selama hampir lapan tahun. Pada tahun 817H/1414M, beliau menuju ke Kaherah dan sempat berguru dan mendapat ijazah dari beberapa ulama terkenal di sana ketika itu. Seterusnya beliau bergerak ke Bursa, Turki dan dari sana beliau meneruskan perjalanan ke Mekah untuk menunaikan ibadah fardu haji. Di sana beliau sempat menemui beberapa guru dalam berbagai disiplin ilmu dan mendapat ijazah daripada mereka, sebelum kembali ke Kaherah. Pada tahun 819H/1416M beliau sekali lagi kembali ke Tunisia dan melazimi sesi pengajian di jamik al-Zaytunah selama hampir setahun sebelum kembali ke kampung halamannya di Algiers pada akhir tahun 820H/1417M²⁵.

Di Algiers beliau mencurahkan segala ilmu dan pengalaman yang ditimbanya selama lebih 20 tahun di perguruan untuk berbakti kepada masyarakat sebagai tokoh ulama menerusi pengajaran, pendidikan, penulisan, penghakiman, pentadbiran, pentarbiahan, pengislahan masyarakat dan sebagainya²⁶. Setelah menempuhi kehidupan yang penuh dengan amal bakti kepada agama dan masyarakat serta pengabdian diri kepada Allah SWT, al-Tha'alibiyy akhirnya dijemput menghadap Tuhannya Yang Maha Esa pada pagi hari Jumaat 23 Ramadan 875H/15 Mac 1479M²⁷.

²² Al-Jaza'iriyy, Muhammad Bin Maymun. 1981. *Al-Tuhfat al-Mardiyyah Fi al-Dawlah al-Bakdashiyah Fi Bilad al-Jaza'ir al-Mahmiyyah*. Algeria: al-Sharikah al-Wataniyyah Li al-Nashr Wa al-Tawzi'. Hlm. 331.

²³ Lihat: Al-Jaza'iriyy. *Al-Tuhfat al-Mardiyyah Fi al-Dawlah al-Bakdashiyah Fi Bilad al-Jaza'ir al-Mahmiyyah*. Hlm. 346-359; Nur al-Al-Din. *Safahat min Tarikh Madinat al-Jaza'ir Min Aqdam Usuriha Ila Intiha' al-Ahd al-Turkiyy*. Hlm. 171-172.

²⁴ Al-Jaza'iriyy. *Al-Tuhfat al-Mardiyyah Fi al-Dawlah al-Bakdashiyah Fi Bilad al-Jaza'ir al-Mahmiyyah*. Hlm. 334.

²⁵ Lihat: Al-Jaza'iriyy. *Al-Tuhfat al-Mardiyyah Fi al-Dawlah al-Bakdashiyah Fi Bilad al-Jaza'ir al-Mahmiyyah*. Hlm. 334-336.

²⁶ Lihat: Nur al-Al-Din. *Safahat min Tarikh Madinat al-Jaza'ir Min Aqdam Usuriha Ila Intiha' al-Ahd al-Turkiyy*. Hlm. 177-178.

²⁷ Al-Jaza'iriyy. *Al-Tuhfat al-Mardiyyah Fi al-Dawlah al-Bakdashiyah Fi Bilad al-Jaza'ir al-Mahmiyyah*. Hlm. 337.

Antara sumbangan besar beliau terhadap ilmu dan masyarakat ialah hasil karya bermutu beliau merangkumi berbagai disiplin ilmu yang sehingga kini menjadi rujukan dan kajian para ilmuwan dan penyelidik di seluruh dunia. Menurut pengarang *al-Tuhfah al-Mardiyyah* dan *Safahat min Tarikh Madinat al-Jaza'ir*, kebanyakan hasil karya beliau masih kekal dalam bentuk manuskrip asal dan belum ditahkik untuk diterbitkan sebagai tatapan umum kepada masyarakat²⁸. Dari penelitian terhadap senarai judul karya beliau serta latar belakang pengajian dan sumbangan, dapat dirumuskan bahawa al-Tha'alibiyy pakar dalam bidang akidah dan ilmu kalam, fikah dan usulnya, tafsir dan ulum al-Quran, hadis dan ulumnya, tasawuf dan ilmu suluk, bahasa Arab dan kesusateraan, sejarah dan tawarikh serta berbagai kepakaran lagi yang akan terserlah jika kajian menyeluruh terhadap manuskrip hasil karyanya dilakukan dengan teliti.

Kitab *al-Jawahir al-Hisan Fi Tafsir al-Qur'an* adalah antara hasil karya tersohor al-Tha'alibiyy. Ia merupakan sebuah karya yang dihasilkan beliau sebagai panduan untuk dirinya sendiri dan para pembaca dalam menjadikan Kitab Suci ini sebagai panduan kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat. Ia adalah hasil ringkasan dari beberapa kitab tafsir utama sebelum ini, khususnya tafsir Ibn Atiyyah dengan penambahan berbagai faedah penting dari hampir seratus sumber lain hasil karya para ulama terkemuka yang disaring dan diriwayatkan sendiri oleh beliau daripada sumber yang bersambung kepada mereka. Antara sumber utama lain seperti yang beliau nyatakan sendiri dalam mukadimahnyalah ialah tafsir al-Tabariyy dan Abu Hayyan al-Andalusiyy. Antara metode beliau dalam penghasilan tafsir ini ialah memelihara amanah ilmiah dengah penuh berhati-hati ketika memetik dan merujuk kepada penulisan atau kata-kata para mufasir dan ulama terdahulu, dengan berusaha sedaya mungkin untuk mengekalkan lafaz serta gaya bahasa asal mereka bagi mengelakkan salah faham kepada para pembaca. Manakala setiap penambahan atau ulasan dari beliau sendiri akan dimulakan dengan ringkasan huruf 'ta' (ت) sebagai singkatan kepada kata kerja (قلت) bermaksud 'aku berkata'²⁹.

Selain kitab tafsir dan ulum al-Quran, sumber utama tafsir ini ialah kitab-kitab hadis terutama dari Sahih al-Bukhariyy, Sahih Muslim, Sunan Abi Dawud dan Sunan al-Tirmiziyy serta kitab-kitab sunnah lain seperti *al-Azkar* karya al-Imam al-Nawawiyy, *al-Tazkirah Bi Ahwal al-Mawta Wa Umur al-Akhirah* karya al-Imam al-Qurtubiyy, *al-Aqibah Fi Zikr al-Mawt* karya Abdul Haqq Ibn al-Kharrat, *Masabih al-Sunnah* karya al-Imam al-Baghawiyy dan lain-lain. Justeru beliau merumuskan bahawa kitabnya yang menghimpunkan syarahan maksud ayat-ayat Quran oleh para ulama muktabar serta himpunan sabda Rasulullah SAW dari kitab-kitab sunnah muktamad ini umpama sebuah bingkisan, terkandung di dalamnya berbagai mutiara kata terindah penuh dengan hikmah, sebagai

²⁸ Lihat: Al-Jaza'iriyy. *Al-Tuhfat al-Mardiyyah Fi al-Dawlah al-Bakdashiyah Fi Bilad al-Jaza'ir al-Mahmiyyah*. Hlm. 341-343; Nur al-Al-Din. *Safahat min Tarikh Madinat al-Jaza'ir Min Aqdam Usuriha Ila Intiha' al-Ahd al-Turkiyy*. Hlm. 178.

²⁹ Al-Tha'alibiyy, Abdul Rahman Bin Muhammad. 1418H. *al-Jawahir al-Hisan Fi Tafsir al-Qur'an*. Tah. Mi'wad, Muhammad Aliyy & Abdul Mawjud, Adil Ahmad. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-Arabiyy. Jld. 1. Hlm. 117-118.

panduan kepada para pembaca dalam menunaikan tanggungjawab keagamaan demi meraih kejayaan hidup duniawi dan ukhrawi³⁰.

Al-Zahabiyy merumuskan bahawa setelah meneliti kitab ini, didapati bahawa pengarangnya sangat beriltizam dengan syarat serta metodologi yang disebutkan di awal kitab, terutama dari sudut ketelitian nukilan dan suntingan serta penjelasan tentang status kesahihan hadis yang dikaitkan dengan tafsiran ayat terutama riwayat *isra'iliyyat*. Justeru menurutnya lagi, tafsir ini sangat berfaedah untuk memahami maksud Quran, kerana ianya menghimpunkan intisari kitab-kitab lain yang berfaedah dengan pendekatan yang ringkas tanpa menjejaskan makna dan jelas tanpa menjemukan pembaca³¹.

Analisa Fada'il Surah al-Baqarah dalam Tafsir Ibn Kathir

Di awal tafsir surah al-Baqarah, Ibn Kathir mengambil ruang yang besar untuk membentangkan hadis dan riwayat berkaitan *fada'il* surah³². Sebanyak enam halaman daripada keseluruhan tujuh halaman mukadimah mengenai surah al-Baqarah, diperuntukkan untuk pembentangan ini. Malah jika diteliti pada bahagian terakhir mukadimah ini, iaitu pada bahagian berkaitan penamaan surah, riwayat dan nukilan yang dibentangkan juga adalah berkaitan dengan kelebihan serta keutamaan surah ini yang turut terangkum dalam maksud *fada'il*³³, seperti yang diterangkan di awal penulisan.

Dari analisis terhadap mukadimah ini, didapati Ibn Kathir telah membentangkan hampir 30 riwayat merangkumi lebih 11 bentuk *fada'il* bagi surah al-Baqarah seperti dalam butiran berikut:

1.	Bentuk Fada'il
	Puncak Quran
	Bil. Riwayat
	4
	Sampel Teks Riwayat
	لِكُلِّ شَيْءٍ سَنَامٌ، وَإِنَّ سَنَامَ الْقُرْآنِ الْبَقْرَةَ، وَفِيهَا آيَةٌ هِيَ سَيِّدَةُ آيِ الْقُرْآنِ: آيَةُ الْكُرْسِيِّ. ³⁴ Maksudnya: Bagi setiap perkara itu ada puncaknya dan puncak Quran adalah surah al-Baqarah. Di dalamnya terdapat penghulu segala ayat Quran iaitu ayat <i>kursiyy</i> .
2.	Bentuk Fada'il
	Iringan penurunannya oleh para malaikat
	Bil. Riwayat
	1
	Sampel Teks Riwayat
الْبَقْرَةُ سَنَامُ الْقُرْآنِ وَدُرُوتُهُ، نَزَلَ مَعَ كُلِّ آيَةٍ مِنْهَا تَمَانُونَ مَلَكًا، وَاسْتُخْرِجَتْ: اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ" مِنْ تَحْتِ الْعَرْشِ، فَوُصِّلَتْ بِهَا، أَوْ فَوُصِّلَتْ بِشُورَةِ الْبَقْرَةَ، وَيَس: قَلْبُ الْقُرْآنِ، لَا يَقْرؤها رَجُلٌ يُرِيدُ اللَّهَ، وَالِدَارَ الْآخِرَةَ إِلَّا غُفِرَ لَهُ، وَاقْرؤها عَلَى مَوْتَاكُمْ. ³⁵	

³⁰ Lihat: Ibid. Jld.1. Hlm. 119-120.

³¹ Lihat: al-Zahabiyy. *al-Tafsir Wa al-Mufasssirun*. Jld. 1. Hlm. 179.

³² Lihat: Ibn Kathir. *Tafsir al-Qur'an al-Azim*. Jld. 1. Hlm. 149-155.

³³ Lihat: Ibid. Jld. 1. Hlm. 156.

³⁴ Ibn Kathir. *Tafsir al-Qur'an al-Azim*. Jld. 1. Hlm. 149.

³⁵ Ibid. Jld. 1. Hlm. 149.

	<p>Maksudnya: al-Baqarah adalah puncak Quran dan kemuncaknya. Turun bersama setiap ayatnya 80 malaikat dan dikeluarkan ayat (اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ) dari bawah Arash, lalu dihubungkan dengan surah al-Baqarah. Manakala Ya Sin pula adalah hati Quran. Tiada seorangpun yang membacanya kerana inginkan keredaaan Allah dan hari akhirat, melainkan Allah akan mengampunkannya maka bacakanlah ia ke atas orang yang mati dalam kalangan kamu.</p>
3.	Bentuk Fada'il
	Perlindungan daripada syaitan
	Bil. Riwayat
	7
	Sampel Teks Riwayat
	<p>لَا تَجْعَلُوا بُيُوتَكُمْ قُبُورًا، فَإِنَّ الْبَيْتَ الَّذِي يُقْرَأُ فِيهِ سُورَةُ الْبَقَرَةِ لَا يَدْخُلُهُ الشَّيْطَانُ.³⁶</p> <p>Maksudnya: Janganlah kamu jadikan rumah-rumah kamu seperti perkuburan. Sesungguhnya sebuah rumah yang dibaca di dalamnya surah al-Baqarah tidak akan dimasuki syaitan.</p>
4.	Bentuk Fada'il
	Kepemimpinan orang yang mempelajari surah al-Baqarah
	Bil. Riwayat
	1
	Sampel Teks Hadis
	<p>بَعَثَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَعْثًا وَهُمْ دَوُو عَدَدٍ، فَاسْتَفْرَأَهُمْ فَاسْتَفْرَأَهُمْ كُلَّ وَاحِدٍ مِنْهُمْ، يَعْني مَا مَعَهُ مِنَ الْقُرْآنِ، فَأَتَى عَلَى رَجُلٍ مِنْ أَعْدَائِهِمْ سِنًا، فَقَالَ: مَا مَعَكَ يَا فُلَانُ؟ قَالَ: مَعِيَ كَذَا وَكَذَا وَسُورَةُ الْبَقَرَةِ، فَقَالَ: أَمَعَكَ سُورَةُ الْبَقَرَةِ؟ قَالَ: نَعَمْ. قَالَ: أَذْهَبْتَ فَأَنْتَ أَمِيرُهُمْ فَقَالَ رَجُلٌ مِنْ أَشْرَافِهِمْ: وَاللَّهِ مَا مَنَعَنِي أَنْ أَتَعَلَّمَ الْبَقَرَةَ إِلَّا أَنِّي خَشِيتُ أَلَّا أَقُومَ بِهَا. فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: تَعَلَّمُوا الْقُرْآنَ وَاقْرَؤُوهُ، فَإِنَّ مِثْلَ الْقُرْآنِ لَمَنْ تَعَلَّمَهُ فَقَرَأَ وَقَامَ بِهِ كَمِثْلِ جِرَابٍ مَحْشُورٍ مَسْكَاً يَفُوحُ رِيحُهُ فِي كُلِّ مَكَانٍ، وَمِثْلَ مَنْ تَعَلَّمَهُ، فَيَرْتَفِدُ وَهُوَ فِي جَوْفِهِ، كَمِثْلِ جِرَابٍ أَوْكِي عَلَى مِسْكِ.³⁷</p> <p>Maksudnya: Rasulullah SAW mengutuskan suatu utusan yang terdiri dari beberapa orang. Lalu baginda menyemak pengetahuan setiap orang dari mereka mengenai al-Quran. Apabila baginda sampai kepada seorang yang paling muda di kalangan mereka, baginda bertanya: Apa yang kamu ada daripada al-Quran wahai fulan? Dia menjawab saya ada sedemikian sedemikian dan surah al-Baqarah. Rasulullah SAW bertanya: Kamu ada mempelajari surah al-Baqarah? Pemuda itu menjawab: Ya. Rasulullah SAW lalu bersabda: Jika begitu berangkatlah dan kamulah ketua mereka. Seorang lelaki yang merupakan salah seorang dari kenamaan mereka lalu berkata: Demi Allah, wahai Rasulullah, tiada yang menghalangku dari mempelajari surah al-Baqarah melainkan saya takut tidak mampu untuk menunaikan tuntutannya. Lantas Rasulullah SAW bersabda: Pelajarilah al-Quran dan bacalah ia, kerana sesungguhnya perumpamaan al-Quran itu bagi orang yang mempelajarinya, lalu membaca dan menunaikan tuntutannya umpama kantung yang penuh berisi kasturi, harumannya bertebaran di setiap tempat, manakala perumpamaan orang yang mempelajarinya kemudian tidur, sedangkan di dalam dirinya ada al-Quran, umpama kantung yang berisi kasturi tetapi terikat.</p>
5.	Bentuk Fada'il
	Kehadiran malaikat ketika surah al-Baqarah dibacakan
	Bil. Riwayat
	2
	Sampel Teks Riwayat

³⁶ Ibid. Jld. 1. Hlm. 149.

³⁷ Ibid. Jld. 1. Hlm. 151.

	<p>عَنْ أُسَيْدِ بْنِ حُضَيْرٍ قَالَ: بَيْنَمَا هُوَ يَقْرَأُ مِنَ اللَّيْلِ سُورَةَ الْبَقَرَةِ، وَفَرَسُهُ مَرْبُوطَةٌ عِنْدَهُ، إِذْ جَالَتِ الْفَرَسُ، فَسَكَتَ، فَسَكَتَتْ، فَكَلِمَةً فَجَالَتِ الْفَرَسُ، فَسَكَتَتْ، ثُمَّ قَرَأَ فَجَالَتِ الْفَرَسُ، فَانْصَرَفَ، وَكَانَ ابْنُهُ يَجِي قَرِيبًا مِنْهَا. فَأَشْفَقَ أَنْ تُصِيبَهُ، فَلَمَّا أَخَذَهُ رَفَعَ رَأْسَهُ إِلَى السَّمَاءِ حَتَّى مَا يَرَاهَا، فَلَمَّا أَصْبَحَ حَدَّثَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: أَفْرَأُ يَا ابْنَ حُضَيْرٍ. قَالَ: فَأَشْفَقْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَنْ تَطَأَ بِحَيْ، وَكَانَ مِنْهَا قَرِيبًا، فَزَعَمْتُ رَأْسِي وَأَنْصَرَفْتُ إِلَيْهِ، فَزَعَمْتُ رَأْسِي إِلَى السَّمَاءِ، فَإِذَا مِثْلُ الظُّلَّةِ فِيهَا أَمْثَالُ الْمَصَابِيحِ، فَخَرَجْتُ حَتَّى لَا أَرَاهَا، قَالَ: وَتَدْرِي مَا ذَاكَ؟ قَالَ: لَا. قَالَ: تِلْكَ الْمَلَائِكَةُ ذُنُوبُ لِحْزَانِكَ وَلَوْ قَرَأْتَ لِأَصْحَابِكَ لَأَصْبَحَتْ يَنْظُرُ النَّاسُ إِلَيْهَا لَا تَتَوَارَى مِنْهُمْ.</p> <p>Maksudnya: Sedang beliau membaca surah al-Baqarah pada suatu malam di sisi kudanya yang terikat. Tiba-tiba sahaja kudanya itu meronta-ronta, lalu beliau berhenti membaca, lantas kudanya juga berhenti meronta. Beliau membaca lagi, lalu kudanya turut meronta lagi. Beliau berhenti membaca lalu kudanya turut berhenti. Kemudian beliau membaca lagi lalu kudanya meronta lagi. Kemudian beliau terus berhenti membaca. Ketika itu anak kecilnya Yahya sedang tidur di sebelah kuda, menyebabkan beliau bimbang jika ia dipijak oleh kuda. Sebaik menarik anaknya, beliau mengangkat kepala ke langit sehingga tidak dapat melihatnya. Tiba waktu pagi, beliau menceritakan peristiwa itu kepada Rasulullah SAW. Baginda berkata: Sepatunya kamu terus membaca wahai Ibn Khudayr. Beliau menjawab: Akan tetapi saya bimbang wahai Rasulullah, kuda itu terpijak Yahya kerana ia sangat dekat dengannya. Lalu saya mengangkat kepala saya dan saya berpaling ke arahnya, seterusnya saya angkat kepala ke langit, lantas saya dapati seperti sebuah mega yang di dalamnya umpama lentera-lentera, kemudian saya keluar sehingga saya tidak melihatnya lagi. Rasulullah SAW bersabda: Adakah kamu tahu apakah itu? Beliau menjawab: Tidak. Baginda bersabda: Itulah malaikat, datang mengahampiri kerana suaramu. Sekiranya kamu terus membaca nescaya semua orang akan dapat melihatnya dan ia tidak akan berselindung daripada mereka.</p>
6.	<p>Bentuk Fada'il</p> <p>Pembawa cahaya, pembela, sumber keberkatan dan pelindung dari ahli sihir</p> <p>Bil. Riwayat</p> <p>5</p> <p>Sampel Teks Riwayat</p> <p>اقْرؤوا القرآن فإنه شافع لأهله يوم القيامة، اقْرؤوا الزُّهْرَاوَيْنِ: الْبَقْرَةَ وَآلَ عِمْرَانَ، فَإِنَّهُمَا يَأْتِيَانِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ كَأَنَّهُمَا غَمَامَتَانِ، أَوْ كَأَنَّهُمَا غَيَابَتَانِ، أَوْ كَأَنَّهُمَا فَرْقَانِ مِنْ طَيْرِ صَوَافٍ يَجَاجَانِ عَنْ أَهْلِهِمَا. ثُمَّ قَالَ: اقْرؤوا البقرة فإن أخذها بركة، وتركها حسرة، ولا تستطيعها البطلة.³⁸</p> <p>Maksudnya: Bacalah al-Quran kerana sesungguhnya ia menjadi pemberi syafaat kepada para pembacanya. Bacalah <i>al-Zahrawan</i> (dua pemberi cahaya) iaitu al-Baqarah dan surah Al Imran kerana kedua-duanya akan datang pada hari kiamat umpama dua kepulan awan, atau dua naungan, atau dua gerombolan burung yang bersusunan secara berkumpulan, demi untuk membela para pembaca kedua-duanya. Kemudian baginda bersabda lagi: Bacalah surah al-Baqarah kerana sesungguhnya pengambilannya adalah berkat, peninggalannya adalah kekecewaan dan ahli sihir tidak bisa mengatasinya.</p>
7.	<p>Bentuk Fada'il</p> <p>Keterkandung Nama Teragong Allah yang dimustajabkan doa dengannya</p> <p>Bil. Riwayat</p> <p>1</p> <p>Sampel Teks Riwayat</p> <p>أَنَّ رَجُلًا قَرَأَ الْبَقْرَةَ وَآلَ عِمْرَانَ، فَلَمَّا قَضَى صَلَاتَهُ قَالَ لَهُ كَعْبٌ: أَقْرَأْتَ الْبَقْرَةَ وَآلَ عِمْرَانَ؟ قَالَ: نَعَمْ. قَالَ: فَوَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ، إِنَّ فِيهِمَا اسْمَ اللَّهِ الَّذِي إِذَا دُعِيَ بِهِ اسْتَجَابَ. قَالَ: فَأَخْبِرْنِي بِهِ. قَالَ: لَا وَاللَّهِ لَا أَخْبِرُكَ، وَلَوْ أَخْبِرْتُكَ لَأَوْشَكَتُ أَنْ تَدْعُوهُ بِدَعْوَةِ أَهْلِكَ فِيهَا أَنَا وَأَنْتَ.</p>

³⁸ Ibid. Jld. 1. Hlm. 152-153.

	Maksudnya: Bahawa seorang lelaki membaca surah al-Baqarah dan Al Imran, lalu sebaik selesai solatnya, Ka'b r.a bertanya: Adakah kamu membaca surah al-Baqarah dan Al Imran? Lelaki itu menjawab: Ya. Ka'b berkata: Demi Allah Yang nyawaku di tanganNya, sesungguhnya dalam keduanya ada nama teragong Allah yang apabila didoakan dengannya akan dimakbulkan. Lelaki itu berkata lagi: Beritahulah kepadaku nama itu. Ka'b berkata: Tidak, Demi Allah aku tidak akan memberitahunya. Sekiranya aku memberitahumu dibimbangi kamu akan berdoa dengan doa yang akan membinasakan kamu dan aku bersama.
	Bentuk Fada'il
	Pembersih dari kemunafikan
	Bil. Riwayat
	1
	Sampel Teks Riwayat
8.	<p>أَنَّ يَزِيدَ بْنَ الْأَسْوَدِ الْجُرَشِيِّ كَانَ يُحَدِّثُ: أَنَّهُ مَنْ قَرَأَ الْبَقْرَةَ وَالْإِمْرَانَ فِي يَوْمٍ، بَرِيَ مِنَ النَّفَاقِ حَتَّى يُصْبِحَ، قَالَ: فَكَانَ يَقْرَأُهُمَا كُلَّ يَوْمٍ وَلَيْلَةٍ سِوَى جُزْئِهِ.³⁹</p> <p>Maksudnya: Bahawa Yazid Bin al-Aswad meriwayatkan hadis bahawa sesiapa yang membaca surah al-Baqarah dan Al Imran pada suatu hari, nescaya dia akan selamat dari penyakit munafik sehingga ke petang. Sesiapa yang membaca keduanya pada waktu malam, nescaya nescaya dia akan sembuh dari penyakit munafik sehingga ke waktu pagi. Periwat berkata bahawa Yazid sentiasa membaca kedua surah ini setiap hari dan malam, selain dari jujuk bacaan harianya.</p>
	Bentuk Fada'il
	Pembacanya ditulis sebagai seorang ahli munajat di sisi Allah SWT
	Bil. Riwayat
	2
	Sampel Teks Riwayat
9.	<p>قَالَ عُمَرُ بْنُ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ: مَنْ قَرَأَ الْبَقْرَةَ وَالْإِمْرَانَ فِي لَيْلَةٍ كَانَ -أَوْ كُتِبَ- مِنَ الْقَانِئِينَ.⁴⁰</p> <p>Maksudnya: Umar Bin al-Khattab r.a berkata: Sesiapa yang membaca surah al-Baqarah dan Al Imran pada suatu malam, nescaya ia akan ditulis di sisi Allah sebagai seorang ahli munajat kepadanya.</p>
	Bentuk Fada'il
	Kedudukannya sebagai salah satu surah yang digelar <i>al-Sab' al-tiwal</i>
	Bil. Riwayat
	4
	Sampel Teks Riwayat
10.	<p>عَنْ سَعِيدِ بْنِ جُبَيْرٍ، فِي قَوْلِهِ تَعَالَى: {وَلَقَدْ آتَيْنَاكَ سَبْعًا مِنْ الْمَنَائِنِ}، قَالَ: هِيَ السَّبْعُ الطُّوْلُ: الْبَقْرَةُ، وَالْإِمْرَانَ، وَالنِّسَاءُ، وَالْمَائِدَةُ، وَالْأَنْعَامُ، وَالْأَعْرَافُ، وَيُونُسُ. قَالَ: وَقَالَ مُجَاهِدٌ: هِيَ السَّبْعُ الطُّوْلُ.⁴¹</p> <p>Maksudnya: Daripada Sa'id bin Jubayr dalam menghuraikan maksud firman Allah SWT (وَلَقَدْ آتَيْنَاكَ سَبْعًا مِنْ)⁴²(الْمَنَائِنِ) bermaksud “dan sesungguhnya Kami telah kurniakan kepadamu tujuh dari yang sentiasa diulang baca” bahawa beliau berkata yang dinaksudkan dengan tujuh yang sentiasa diulang baca dalam ayat ialah surah: al-Baqarah, Al Imran, al-Nisa', al-Ma'idah, al-An'am, al-A'raf, dan Yunus. Mujahid berkata bahawa dialah al-Sab' al-Tiwal.</p>
	Bentuk Fada'il
	Pembangkit semangat jihad
	Bil. Riwayat
11.	

³⁹ Ibid. Jld. 1. Hlm. 154.

⁴⁰ Ibid. Jld. 1. Hlm. 154.

⁴¹ Ibid. Jld. 1. Hlm. 155.

⁴² Surah al-Hijr: Ayat 87.

1
Sampel Teks Riwayat
<p>عَنْ عُنْبَةَ بْنِ فَرْقِدٍ قَالَ: رَأَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي أَصْحَابِهِ تَأْخُرًا ، فَقَالَ: يَا أَصْحَابَ سُورَةِ الْبَقَرَةِ. وَأَطْنُ هَذَا كَانَ يَوْمَ حُنَيْنٍ، حِينَ وَلَّوْا مُدَبِّرِينَ أَمَرَ الْعَبَّاسَ فَنَادَاهُمْ: يَا أَصْحَابَ الشَّجَرَةِ، يَعْنِي أَهْلَ بَيْعَةِ الرِّضْوَانِ. وَفِي رِوَايَةٍ: يَا أَصْحَابَ الْبَقَرَةِ! لِيُنْشِطَهُمْ بِذَلِكَ، فَجَعَلُوا يُقْبِلُونَ مِنْ كُلِّ وَجْهِ. وَكَذَلِكَ يَوْمَ الْبَيْمَامَةِ مَعَ أَصْحَابِ مُسَيْلِمَةَ، جَعَلَ الصَّحَابَةُ يَفْرُونَ لِكِنَافَةِ حَشْرِ بَنِي حَنِيفَةَ، فَجَعَلَ الْمُهَاجِرُونَ وَالْأَنْصَارُ يَتَنَادَوْنَ: يَا أَصْحَابَ سُورَةِ الْبَقَرَةِ، حَتَّى فَتَحَ اللَّهُ عَلَيْهِمْ.⁴³</p> <p>Maksudnya: Daripada Utbah Bin Farqad berkata: Rasulullah SAW melihat para sahabatnya semakin mundur, lalu baginda menyeru: Wahai para pengamal surah al-Baqarah! Utbah berkata: Saya rasa peristiwa ini berlaku semasa peperangan Hunayn, ketika mereka berpaling melarikan diri dari medan tempur, lalu baginda mengarahkan Abbas untuk menyeru: Wahai para saksi perjanjian Ridwan di bawah sepohon pokok; manakala dalam riwayat lain pula menyebut Wahai para pengamal surah al-Baqarah! Supaya mereka kembali bersemangat untuk meneruskan jihad. Lalu sejeurus itu, mereka kembali dari segenap arah. begitu juga ketika berlaku peperangan al-Yamamah menentang pengikut Musailamah al-Kazzab, ramai para sahabat melarikan diri kerana kepadatan jumlah tentera Bani Hanifah. Lalu para sahabat dari kalangan muhajirin dan Ansar menyeru: Wahai para pengamal surah al-Baqarah! Sehingga Allah mengurniakan kemenangan kepada mereka.</p>

Jadual 1: Corak Data Riwayat Fada'il Surah al-Baqarah dalam Tafsir Ibn Kathir

Dalam pembentangannya mengenai riway-riwayat ini, Ibn Kathir memberikan fokus huraian dan ulasan beliau kepada beberapa aspek, antaranya:

- i. Sumber atau kitab yang mengeluarkan hadis berkenaan. Sebagai contoh ketika beliau menukilkan hadis ketiga di atas, beliau menyatakan bahawa hadis ini dikeluarkan oleh al-Imam Ahmad, Muslim, al-Tirmiziyiy dan al-Nasa'iyiy⁴⁴.
- ii. Penjelasan mengenai rawi dan sanad. Antaranya ketika penukilan hadis pertama di atas, beliau memberikan penjelasan mengenai kekeliruan yang terdapat dalam sanadnya berikutan ketiadaan nama yang jelas bagi salah seorang rawi pada riwayat pertama daripada al-Imam Ahmad yang beliau nukilkan. Justeru, beliau membawa riwayat kedua daripada Ahmad yang turut dikeluarkan oleh kitab-kitab hadis lain, iaitu Abu Daud, al-Nasa'iyiy dan Ibn Majah yang dengan jelas menyatakan perawi berkenaan⁴⁵.
- iii. Perbincangan mengenai status hadis. Sebagaimana yang boleh didapati dari huraian panjang lebar beliau mengenai hadis keenam di atas. Hadis ini dibawa oleh beliau sebagai sokongan kepada hadis hampir sama yang beliau nukilkan sebelumnya. Walaubagaimanapun, terdapat perbezaan pandangan dalam kalangan ulama hadis mengenai status hadis ini berikutan perbezaan pandangan mereka mengenai status salah seorang rawinya, antara menerima dan menolak. Justeru, bagi mengharmonikan pandangan kedua kumpulan ini, Ibn Kathir

⁴³ Ibid. Jld. 1. Hlm. 156.

⁴⁴ Ibn Kathir. *Tafsir al-Qur'an al-Azim*. Jld. 1. Hlm. 149.

⁴⁵ Ibn Kathir. *Tafsir al-Qur'an al-Azim*. Jld. 1. Hlm. 149.

menegaskan bahawa hadis tersebut disokong oleh banyak hadis lain. Antaranya hadis keenam ini yang turut dikeluarkan oleh al-Imam Muslim alam kitab Sahihnya⁴⁶.

- iv. Penerangan mengenai maksud lafaz atau makna yang terkandung di dalam riwayat. Hal ini dapat dilihat dengan jelas pada penerangan yang beliau berikan terhadap hadis keenam di atas berkaitan makna (الرَّهْرَاوِينَ) iaitu ‘yang mengeluarkan cahaya’; (الْعِيَايَةُ) iaitu ‘yang menaungi’; (الْفِرْقُ) iaitu ‘sebahagian dari sesuatu’; (الصَّوْفُ) iaitu yang bersusun serta bergerombolan; dan (الْبِطْلَةُ) iaitu ‘ahli sihir’. Seterusnya beliau menerangkan maksud ungkapan terakhir dalam riwayat, iaitu ‘ahli sihir tidak mampu’ dengan makna tidak mampu untuk menghafalnya atau tidak mampu untuk menjejaskan orang yang membaca surah al-Baqarah dengan sihirnya⁴⁷.

Analisa Fada’il Surah al-Baqarah dalam Tafsir al-Tha’alibiyy

Seperti Ibn Kathir, al-Tha’alibiyy tidak ketinggalan untuk membentangkan riwayat-riwayat berkaitan *fada’il* surah dalam mukadimah tafsirnya bagi surah al-Baqarah. Walau bagaimanapun, sesuai dengan konsep serta metodologi penulisan tafsirnya yang lebih berbentuk ringkasan dengan memilih mutiara ilmu terbaik dari senarai kitab yang dipelajari serta dirujuk bagi memudahkan pembacanya menguasai dan menghayati maksud Quran, kapasiti yang diambil oleh al-Tha’alibiyy bagi tujuan ini jauh lebih kurang dari apa yang diambil oleh Ibn Kathir.

Pun begitu, jika diteliti hampir 10 riwayat dipersembahkan oleh al-Tha’alibiyy dalam mukadimahnya yang mempunyai nilai tersendiri serta penambahan penting terhadap apa yang dikemukakan oleh Ibn Kathir, bagi mendalami perbincangan ini. Berikut dipaparkan riwayat yang dibentangkan oleh al-Tha’alibiyy berkaitan *fada’il* surah al-Baqarah:

Bentuk Fada’il	
Surah al-Baqarah dari peringatan terawal Allah SWT	
Bil. Riwayat	
2	
Sampel Teks Riwayat	
1.	<p>أَعْمَلُوا بِالْقُرْآنِ أَحْلُوا حَلَالَهُ، وَحَزَمُوا حَرَامَهُ، وَاقْتَدُوا بِهِ، وَلَا تَكْفُرُوا بِشَيْءٍ مِنْهُ، وَمَا تَشَابَهَ عَلَيْكُمْ مِنْهُ فَرَدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَإِلَى أُولِي الْعِلْمِ مِنْ بَعْدِي كَيْ مَا يَخْبِرُونَكُمْ، وَأَمِنُوا بِالتَّوْرَةِ وَالْإِنْجِيلِ وَالزَّبُورِ وَمَا أَوْتِيَ النَّبِيُّونَ مِنْ رَحْمَةٍ، وَلَيْسَعَمَّ الْقُرْآنَ وَمَا فِيهِ مِنَ الْبَيَانِ، فَإِنَّهُ شَافِعٌ مُشَفِّعٌ، وَمَا جَلَّ مُصَدِّقٌ، وَإِنِّي أَعْطَيْتُ سُورَةَ الْبَقَرَةِ مِنَ الذِّكْرِ الْأَوَّلِ وَأَعْطَيْتُ طَهَ وَالطَّوَسِينَ وَالْحَوَامِيمَ. مِنَ الْوَالِحِ مُوسَى، وَأَعْطَيْتُ فَاتِحَةَ الْكِتَابِ مِنْ تَحْتِ الْعَرْشِ.⁴⁸</p> <p>Maksudnya: Beramallah dengan Quran. Halalkanlah perkara yang dihalalkannya dan haramkanlah perkara yang diharamkannya. Ikutilah panduannya dan janganlah kufur dengan sesuatupun daripadanya. Apa yang</p>

⁴⁶ Ibn Kathir. *Tafsir al-Qur’an al-Azim*. Jld. 1. Hlm. 152-153. Lihat hadis Sahih Muslim dalam: Al-Naysaburiyy, Muslim Bin al-Hajjaj. T.th. *al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar Bi Naql al-Adl An al-Adl Ila Rasul Allah Sallah Allah Alayh Wa Sallam*. Tah. Abdul Baqiy Muhammad Fu’ad. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-Arabiyy. Jld. 1. Hlm. 553. Hadis no. 804. Kitab Salat al-Musafiririn Wa Qasriha. Bab Fadl Qiraat al-Qur’an Wa Surat al-Baqarah

⁴⁷ Ibn Kathir. *Tafsir al-Qur’an al-Azim*. Jld. 1. Hlm. 153.

⁴⁸ Al-Tha’alibiyy. *al-Jawahir al-Hisan Fi Tafsir al-Qur’an*. Jld. 1. Hlm. 177.

	<p>menimbulkan keraguan kepada kamu maka kembalikanlah kepada Allah dan kepada ahli ilmu selepasku supaya mereka membimbing kamu. Berimanlah dengan kitab Taurat, Injil, Zabur dan apa yang diturunkan ke atas para nabi daripada Tuhan mereka. Hendaklah kamu berpada dengan Quran serta penerangan yang ada di dalamnya, kerana sesungguhnya dialah pemberi syafaat yang diberi syafaat serta apa yang dihalalkan lagi dibenarkan. Sesungguhnya aku telah dikurniakan surah al-Baqarah dari peringatan awal; diberikan juga surah Ta Ha, surah-surah yang dimulakan dengan Ta Sin, surah-surah yang dimulakan dengan Ha Mim dari luh-luh Nabi Musa; dan diberikan surah al-Fatihah dari bawah arash.</p>
	Bentuk Fada'il
	Pembawa cahaya, pembela, sumber keberkatan dan pelindung dari ahli sihir
	Bil. Riwayat
	2
	Sampel Teks Riwayat
2.	<p>اقْرَأُوا الْقُرْآنَ فَإِنَّهُ يَأْتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ شَفِيعًا لِأَصْحَابِهِ، اقْرَأُوا الزُّهْرَوَيْنِ الْبَقْرَةَ، وَسُورَةَ آلِ عِمْرَانَ، فَإِنَّهُمَا تَأْتِيَانِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ كَأَهْمَا عَمَّاتَانِ، أَوْ كَأَهْمَا عَيَاتِيَانِ، أَوْ كَأَهْمَا فَوْقَانَ مِنْ طَيْرٍ صَوَافٍ، تُحَاجَّانِ عَنْ أَصْحَابِهِمَا، اقْرَأُوا سُورَةَ الْبَقْرَةِ، فَإِنَّ أَخْذَهَا بَرَكَةٌ، وَتَرْكُهَا حَسْرَةٌ، وَلَا تَسْتَطِيعُهَا الْبَطْلَةُ.⁴⁹</p> <p>Maksudnya: Bacalah al-Quran kerana sesungguhnya ia akan datang pada hari Kiamat sebagai pemberi syafaat kepada para pembacanya. Bacalah al-Zahrawan iaitu al-Baqarah dan surah Al Imran kerana kedua-duanya akan datang pada hari kiamat umpama dua kepulan awan, atau dua naungan, atau dua gerombolan burung yang melebarkan sayap, demi untuk membela para pembaca kedua-duanya. Bacalah surah al-Baqarah kerana sesungguhnya pengambilannya adalah berkat, peninggalannya adalah kekecewaan dan ahli sihir tidak bisa mengatasinya.</p>
	Bentuk Fada'il
	Puncak Quran
	Bil. Riwayat
	1
3.	<p>Sampel Teks Riwayat</p> <p>لِكُلِّ شَيْءٍ سَنَامٌ، وَإِنَّ سَنَامَ الْقُرْآنِ الْبَقْرَةَ، وَفِيهَا آيَةٌ هِيَ سَيِّدَةُ آيِ الْقُرْآنِ: هِيَ آيَةُ الْكُرْسِيِّ.⁵⁰</p> <p>Maksudnya: Bagi setiap perkara itu ada puncaknya dan puncak Quran adalah surah al-Baqarah. Di dalamnya terdapat penghulu segala ayat Quran iaitu ayat <i>kursiyy</i>.</p>
	Bentuk Fada'il
	Pemeliharaan Allah SWT
	Bil. Riwayat
	1
4.	<p>Sampel Teks Hadis</p> <p>من قرأ بالآيتين من آخر سورة البقرة في ليلة، كفناه.</p> <p>Maksudnya: Sesiapa yang membaca dua ayat dari akhir surah al-Baqarah, nescaya dia akan memadainya.</p>
	Bentuk Fada'il
	Perlindungan dari gangguan syaitan
	Bil. Riwayat
	1
5.	<p>Sampel Teks Riwayat</p> <p>البيت الذي تقرأ فيه سورة البقرة لا يدخله الشيطان.</p> <p>Maksudnya: Rumah yang dibaca di dalamnya surah al-Baqarah tidak akan dimasuki syaitan.</p>
6.	Bentuk Fada'il

⁴⁹ Ibid. Jld. 1. Hlm. 177-178.

⁵⁰ Ibid. Jld. 1. Hlm. 178.

Pengurniaan cahaya dan penyempunaan hajat
Bil. Riwayat
1
Sampel Teks Riwayat
<p>عن ابن عباس قال: بينما جبريل قاعد عند النبي صلى الله عليه وسلم سمع نقيضا من فوقه، فقال له: هذا ملك نزل إلى الأرض لم ينزل قط إلا اليوم، وقال: أبشر بنورين أوتيتهما، لم يؤتهما نبي قبلك فاتحة الكتاب، وخواتم سورة البقرة لن تقرأ بحرف منها إلا أعطيت⁵¹.</p> <p>Maksudnya: Daripada Ibn Abbas r.a bahawa beliau berkata: Ketika Jibril sedang duduk bersama Rasulullah SAW, baginda terdengar suatu bunyi dari atas. Lalu Jibril berkata kepada baginda: itu suara malaikat turun ke bumi dan ia tidak pernah turun ke bumi kecuali hari ini. Terimalah berita gembira kurniaan dua cahaya kepadamu dan sesungguhnya tiada seorang nabipun yang pernah dikurniakan kepadanya dua cahaya ini. Surah al-Fatihah dan akhir surah al-Baqarah. Tidaklah kamu membaca satu huruf darinya melainkan kamu akan dikurniakan apa yang kamu pohon.</p>

Jadual 2: Corak Data Riwayat Fada'il Surah al-Baqarah dalam Tafsir al-Tha'alibiyy

Dari analisis terhadap data di atas, didapati bahawa al-Tha'alibiyy turut memberikan perhatian khusus kepada perbincangan *fada'il* surah dalam tafsirnya. Dari sudut ulasan atau huraian terhadap riwayat yang dibentangkan ini, didapati bahawa fokus utama al-Tha'alibiyy adalah kepada beberapa aspek berikut:

- i. Persembahan riwayat yang lengkap dari sumber asal. Al-Tha'alibiyy berusaha melengkapkan riwayat yang disebutkan dalam sumber tafsir rujukannya kepada sumber asal hadis seperti yang dilakukannya pada hadis pertama dengan merujuk riwayat berkenaan dalam versi yang lebih lengkap dari kitab *al-Mustadrak Ala al-Sahihayn* karya al-Hakim al-Naysaburiyy⁵².
- ii. Penerangan mengenai maksud lafaz atau makna yang terkandung di dalam riwayat. Hal ini dapat dilihat dengan jelas pada penerangan yang beliau berikan terhadap hadis kedua di atas berkaitan makna (البَطْلَةُ) iaitu 'ahli sihir'; (الغمامتان) iaitu 'dua awan putih'; (العَيَائَةُ) iaitu 'setiap benda yang menaungi insan dari atas kepalanya seperti awan'; dan (الْفِرْقَان) iaitu 'dua kumpulan'⁵³.
- iii. Pernyataan mengenai periwayatan hadis dari sumber muktabar. Al-Tha'alibiyy menunjukkan keprihatinan terhadap status hadis yang dinukilkan dari sudut periwayatannya dalam kitab hadis muktabar. Beliau sentiasa menyebutkan kepada pembaca tentang sumber hadis yang dipetik, sebagaimana yang dapat dilihat sebagai contoh pada hadis keenam di atas adalah dari Sahih Muslim dan Sunan al-Nasa'iy⁵⁴.

Rumusan Pemberdayaan *Fada'il* Surah dalam Usaha *Tadabbur* Quran

Tadabbur al-Qur'an adalah sebahagian dari tuntutan interaksi seorang insan dengan Kitab Suci ini yang diturunkan sebagai panduan kesejahteraan hidup mereka di dunia dan akhirat. Selain dari

⁵¹ Ibid. Jld. 1. Hlm. 180.

⁵² Lihat: Al-Tha'alibiyy. *al-Jawahir al-Hisan Fi Tafsir al-Qur'an*. Jld. 1. Hlm. 177.

⁵³ Ibid. Jld. 1. Hlm. 178.

⁵⁴ Ibid. Jld. 1. Hlm. 180.

membaca, memahami dan mengamalkan apa yang terkandung di dalam ayat-ayatnya, setiap individu juga dituntut untuk berusaha *mentadabburinya* mengikut kemampuan masing-masing. Firman Allah SWT dala surah Sad, ayat 29:

كِتَابٌ أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكَ مُبَارَكٌ لِيَدَّبَّرُوا آيَاتِهِ وَلِيَتَذَكَّرَ أُولُو الْأَلْبَابِ.

Maksudnya: (*Al-Quran ini*) sebuah Kitab yang Kami turunkan kepadamu (dan umatmu wahai Muhammad), - Kitab yang banyak faedah-faedah dan manfaatnya, untuk mereka memahami dengan teliti kandungan ayat-ayatnya, dan untuk orang-orang yang berakal sempurna beringat mengambil iktibar.

Menurut al-Imam Ibn Ashur *tadabbur* bermaksud penaakulan dan penelitian yang akan membawa seseorang kepada pemahaman maksud tersirat di sebalik makna tersurat. Ia berlaku pada ungkapan yang ringkas tetapi sarat di dalamnya dengan berbagai makna. Setiap kali ditaakuli dan diteliti akan terdedah makna baharu yang tidak terlintas di awal pemahaman⁵⁵. Merujuk kepada asal perkataan ini dalam bahasa Arab, ia membawa maksud pemerhatian terhadap pengakhiran sesuatu perkara serta penaakulan terhadap kesudahannya. Ia digunakan bagi penelitian yang dilakukan terhadap sesuatu perkara bagi mengetahui hakikat sebenarnya, latar belakang atau puncanya, perkembangan atau pecahannya, serta kesudahan atau implikasinya. Manakala acuan katanya pula merujuk kepada proses yang berlaku secara berulang-ulang dan berterusan⁵⁶. *Tadabbur* merupakan suatu proses interaksi dengan Quran yang sepatutnya berlaku selepas proses pemahaman melalui pentafsirannya, kerana sukar untuk seseorang melakukan penelitian dan penaakulan terhadap sesuatu yang tidak difahami⁵⁷.

Dari sini dapat difahami bahawa *tadabbur* merupakan suatu proses peningkatan dalam meluaskan serta mendalamkan dimensi interaksi seseorang dengan Quran dari sudut keimanan, keyakinan, pemahaman, penghayatan, pengamalan dan seterusnya pengislahan diri, keluarga, masyarakat dan persekitaran merentasi berbagai segmen kehidupan berdasarkan panduan serta petunjuk yang dicerap hasil penelitian, penaakulan dan pemerhatian berterusan terhadap ayat-ayat Quran. Justeru, *tadabbur* berbeza dari tafsir yang hanya memberikan tumpuan kepada aspek pemahaman yang lebih berlandaskan huraian serta pandangan para ulama terhadap ayat, sedangkan *tadabbur* lebih bersifat penghayatan peribadi seseorang terhadap pemahaman yang diperolehi dari sesuatu ayat. Penghayatan inilah yang akan merubah dan mengislahkan jiwa serta diri seorang insan untuk menjadi seorang yang beriman, patuh, tunduk, khusyuk, rida dengan segala ketentuannya dan sentiasa bersedia untuk menerima serta melaksanakan petunjuk yang diturunkan. Firman Allah SWT dalam surah al-Zumar, ayat 23:

⁵⁵ Ibn Ashur, Muhammad al-Tahir Bin Muhammad. 1984. *Al-Tahrir Wa al-Tanwir Min Ilm al-Tafsir*. Tunisi: al-Dar al-Tunisiyyah Li al-Nashr. Jld. 23. Hlm. 252.

⁵⁶ Al-Tayyar, Musa'id Bin Sulayman. 1427H. *Mafhum al-Tafsir Wa al-Ta'wil Wa al-Istibat Wa al-Tadabbur Wa al-Mufassir*. Arab Saudi: Sar Ibn al-Jawziyy Li al-Nashr Wa al-Tawzi'. Hlm. 185.

⁵⁷ Ibid. hlm. 187.

اللَّهُ نَزَّلَ أَحْسَنَ الْحَدِيثِ كِتَابًا مُتَشَابِهًا مَثَابًا تَتَشَعَّرُ مِنْهُ جُلُودُ الَّذِينَ يَخْشَوْنَ رَبَّهُمْ ثُمَّ تَلِينُ جُلُودُهُمْ وَقُلُوبُهُمْ إِلَىٰ ذِكْرِ اللَّهِ ذَلِكَ هُدَى اللَّهِ يَهْدِي
بِهِ مَنْ يَشَاءُ وَمَنْ يُضَلِلِ اللَّهُ فَمَا لَهُ مِنْ هَادٍ.

Maksudnya: Allah telah menurunkan sebaik-baik perkataan iaitu Kitab Suci Al-Quran yang bersamaan isi kandungannya antara satu dengan yang lain (tentang benarnya dan indahnya) yang berulang-ulang (keterangannya, dengan berbagai cara); yang (oleh kerana mendengarnya atau membacanya) kulit badan orang-orang yang takut kepada Tuhan mereka menjadi seram; kemudian kulit badan mereka menjadi lembut serta tenang tenteram hati mereka menerima ajaran dan rahmat Allah. Kitab Suci itulah hidayah pertunjuk Allah; Allah memberi hidayah pertunjuk dengan Al-Quran itu kepada sesiapa yang dikehendakiNya (menurut undang-undang peraturannya); dan (ingatlah) sesiapa yang disesatkan Allah (disebabkan pilihannya yang salah), maka tidak ada sesiapa pun yang dapat memberi hidayah pertunjuk kepadanya.

Dalam hubungan ini, riwayat-riwayat berkaitan *fada'il* merupakan pemangkin atau pendorong semangat kepada para pembaca untuk membaca, memahami, menghayati dan mengamalkan kandungan sesuatu surah mahupun ayat. Justeru, tidak hairan muncul berbagai riwayat yang direka cipta mengenai *fada'il* atas alasan untuk menarik perhatian masyarakat supaya kembali kepada Quran mereka, sehingga ada yang berjaya menghimpunkan bagi setiap surah dalam Quran *fada'il*nya yang tersendiri⁵⁸. Seiring dengan ini, Ibn Kathir sendiri menjelaskan bahawa di dalam tafsirnya beliau mendahulukan pembentangan riwayat berkaitan *fada'il* sebelum pentafsiran setiap surah, berbeza dengan al-Bukhari dalam Sahihnya yang mendahulukan *Kitab al-Tafsir* sebelum *Kitab Fada'il al-Qur'an* kerana baginya *fada'il* yang dibentangkan itu akan menjadi pembangkit semangat kepada pembaca untuk menghafaz surah berkenaan, berusaha memahami dan seterusnya beramal dengan apa yang terkandung di dalamnya, sedangkan al-Bukhari berpandangan tafsir lebih penting dari *fada'il*⁵⁹.

Walau bagaimanapun, dari analisa yang dilakukan terhadap pembentangan *fada'il* surah dalam mukadimah surah al-Baqarah oleh kedua-dua mufasir Ibn Kathir dan al-Tha'alibiyy ini tidak ditemukan upaya serius dari mereka untuk mengaitkan bentuk *fada'il* yang terkandung dalam riwayat yang dikemukakan dengan aspek pemahaman, penghayatan mahupun pengamalan terhadap kandungan, tema, mahupun objektif yang dibawa oleh surah. Sedangkan jika diperhatikan kepada bentuk *fada'il* yang tersurat dalam riwayat-riwayat yang dinukilkan perkaitan bentuk *fada'il* tersebut dengan kandungan, tema serta objektif surah al-Baqarah, seperti yang diterangkan oleh para mufasir dan pengkaji, ternyata ia mempunyai perkaitan yang utuh dan sangat menarik untuk diulas serta ditadabbur. Bagi memperlihatkan perkaitan ini, diperturunkan hubungkait antara bentuk *fada'il* seperti yang dirumuskan dari riwayat yang dibentangkan oleh Ibn Kathir dan al-Tha'alibiyy di atas dan kandungan atau tema surah al-Baqarah seperti yang dikemukakan oleh para mufasir dan pengkaji

⁵⁸ Lihat: Ibn al-Arabiyy, Muhammad Bin Abdullah. T.th.: *Aridat al-Ahwaziyy bi Sharh Sahih al-Tirmiziyy*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah. Jld. 10. Hlm. 128-129.

⁵⁹ Lihat: Ibn Kathir. *Fada'il al-Qur'an*. Hlm. 33.

dalam karya atau penulisan mereka⁶⁰. Sementara itu, sayugia dinyatakan bahawa dari sudut objektif am surah al-Baqarah, kebanyakan mufasir dan pengkaji yang memberi tumpuan kepada aspek ini sepakat menyatakan bahawa objektif utama surah ini ialah **khilafah dan kepemimpinan umat Islam sebagai peneraju ketamadunan manusia akhir zaman**⁶¹.

Berikut adalah hubungkait antara kandungan atau tema dengan bentuk *fada'il* surah al-Baqarah seperti yang dimaksudkan:

Bil.	No. Ayat	Tema	Hubungkait <i>Fada'il</i>
1.	1-20	Hidayah Quran dan sikap orang mukmin, kafir dan munafik terhadapnya	Puncak Quran; Pembersih dari kemunafikan
2.	21-29	Seruan menunaikan tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah Allah SWT di muka bumi	Kepemimpinan orang yang mempelajari surah al-Baqarah; Surah al-Baqarah dari peringatan terawal Allah SWT; Puncak Quran
3.	30-39	Peringatan pengisytiharan manusia sebagai khalifah Allah di muka bumi, keakuran para malaikat terhadap kebijaksanaan ketentuan Allah SWT serta keangkuhan Iblis dan perseteruannya dengan Adam AS	Perlindungan daripada syaitan; Iringan penurunannya oleh para malaikat; Kehadiran malaikat ketika surah al-Baqarah dibacakan; Surah al-Baqarah dari peringatan terawal Allah SWT
4.	40-48	Celaan terhadap Bani Israel di atas kekufuran, kemungkiran dan penyelewengan mereka dari landasan ajaran para nabi yang diutuskan serta ikatan janji mereka dengan Allah SWT	Surah al-Baqarah dari peringatan terawal Allah SWT
5.	49-74	Naratif kekufuran, kedegilan, keingkaran dan persendaan Bani Israel terhadap perintah Nabi Musa AS sepanjang perjalanan dakwah baginda kepada mereka	Surah al-Baqarah dari peringatan terawal Allah SWT
6.	75-123	Pendedahan mengenai sikap Bani Israel terhadap dakwah Rasulullah SAW dari pembawaan mereka sejak turun temurun dalam mengingkari perintah para rasul di sebalik pengetahuan mereka tentang sokongan para malaikat, pembunuhan para rasul, pematuhan terhadap hasutan syaitan, penerimaan terhadap amalan sihir serta berbagai kemaksiatan dan kemunkaran	Pembawa cahaya, pembela, sumber keberkatan dan pelindung dari ahli sihir; Kehadiran malaikat ketika surah al-Baqarah dibacakan

⁶⁰ Lihat sebagai contoh: Ibn Ashur. *Al-Tahrir Wa al-Tanwir Min Ilm al-Tafsir*. Jld. 1. Hlm. 203-206; Nukhbat Min Ulama al-Tafsir Wa Ulum al-Qur'an. 1431H/2010. *Al-Tafsir al-Mawdu'iy Li Suwar al-Qur'an*. Pnyl. Mustafa Muslim. Shariqah: Jami'ah al-Shariqah. Jld. 1. hlm. 26-32; al-Masriyy, Muhammad Abdul Hadi. T.th. *Awn al-Karim Fi Bayan Maqasid Suwar al-Qur'an al-Karim*. T.tp.: Minbar al-Tawhid Wa al-Jihad. Hlm. 15-16.

⁶¹ Lihat sebagai contoh: Jama'ah Min Ulama' al-Tafsir. 1439H. *Al-Mukhtasar Fi Tafsir al-Qur'an al-Karim*. Riyadh: Markaz Tafsir Li al-Dirasat al-Qur'aniyyah. Hlm. 2; Nukhbat Min Ulama al-Tafsir Wa Ulum al-Qur'an. *Al-Tafsir al-Mawdu'iy Li Suwar al-Qur'an*. Jld. 1. hlm. 28; al-Masriyy. *Awn al-Karim Fi Bayan Maqasid Suwar al-Qur'an al-Karim*. Hlm. 15; Al-Khalidiyy, Salah Abd al-Fattah. 1433H/2012. *Al-Tafsir al-Mawdu'iy Bayn al-Nazariyyah Wa al-Tatbiq*. Amman: Dar al-Nafa'is. Hlm. 83.

7.	124-141	Penegasan mengenai ketauhidan dakwah Nabi Ibrahim AS dan isolasinya dari ajaran Yahudi dan Nasrani melalui usaha perjuangan, amalan, pembinaan Kaabah dan doa serta munajat supaya dikurniakan petunjuk yang benar kepada zuriatnya dan diutuskan rasul pembawa cahaya	Pengurniaan cahaya dan penyempunaan hajat; Keterkandungan Nama Teragong Allah yang dimustajabkan doa dengannya
8.	142-162	Pemindahan kiblat dan perpindahan khilafah kepada umat Nabi Muhammad SAW dan pengukuhan jiwa mukmin untuk memikul tanggungjawab	Kepemimpinan orang yang mempelajari surah al-Baqarah; Pembangkit semangat jihad
9.	163-177	Peneguhan pentarbiahan sahsiah ummah melalui konsepsi akidah dan hukum <i>Taabbudiyy</i> utama Islam dan asas akhlak murni	Surah al-Baqarah dari peringatan terawal Allah SWT
10.	178-203	Perincian sebahagian perundangan Islam serta hukum amali utama Islam yang menjadi syiar dan asas penyusunan masyarakat serta perhubungan antara setiap entiti masyarakat	Pembangkit semangat jihad; Puncak Quran
11.	204-220	Pengkategorian manusia dalam pematuhan terhadap perintah Allah SWT dan larangan mengikuti jejak syaitan serta peringatan tentang ujian yang akan menimpa serta janji perlindungan dan bantuanNya kepada para mukmin	Pemeliharaan Allah SWT; Perlindungan daripada syaitan;
12.	221-242	Perincian hukum hakam kekeluargaan serta panduan pengurusan berdasarkan prinsip dan perundangan Islam dengan iltizam amalan, jihad, zikir dan doa sebagai asas pembentukan masyarakat mithali	Pembacanya ditulis sebagai seorang ahli munajat di sisi Allah SWT ; Pembangkit semangat jihad; Puncak Quran
13.	243-260	Pemberitaan tentang hakikat kehidupan dan kematian dari kisah umat terdahulu dengan bantuan Allah SWT terhadap para mukmin dan penghinaanNya ke atas para pengingkar sebagai motivasi jihad dengan jiwa dan harta bagi menunaikan tanggungjawab khilafah	Kepemimpinan orang yang mempelajari surah al-Baqarah; Kehadiran malaikat ketika surah al-Baqarah dibacakan; Keterkandungan Nama Teragong Allah yang dimustajabkan doa dengannya; Pembangkit semangat jihad
14.	261-274	Motivasi infak di jalan Allah SWT dengan adab susila serta pemupukan budaya infak harta dan budi jauh dari hasutan syaitan bagi membina masyarakat bermaruah dan generasi berdaulat	Pembangkit semangat jihad; Perlindungan daripada syaitan
15.	275-283	Panduan pembersihan jiwa dari sifat tamak dan cintakan harta sehingga terlibat dengan unsur penindasan dan pengeksploitasian dalam urusan kewangan	Kedudukannya sebagai salah satu surah yang digelar al-Sab' al-tiwal
16.	284-286	Rumusan kemutlakan kekuasaan dan keperkasaan Allah SWT dan kesaksamaan fungsi para rasul dan para mukmin dalam menerima amanah dan panduan tawajuh dan doa dalam menghadapi cabaran	Pembacanya ditulis sebagai seorang ahli munajat di sisi Allah SWT; Keterkandungan Nama Teragong Allah yang dimustajabkan doa dengannya

Jadual 3: Pemetaan Kandungan Kepada Bentuk Fada'il Bagi Surah Al-Baqarah

Dari jadual di atas, dapat dirumuskan bahawa bentuk *fada'il* surah mempunyai perkaitan yang sangat rapat dengan objektif serta kandungan surah. Hakikat ini perlu diberi perhatian oleh para pengkaji dalam menghurai serta menyampaikan pengajaran sesuatu surah yang dikaji. Ia menjadi titik permulaan yang baik bagi mendorong para pembaca Kitab Suci ini untuk meningkatkan penghayatan dan pengamalan mereka terhadap sesuatu surah melalui konsep *tadabbur*.

PENUTUP

Sebagai penutup, adalah dicadangkan kepada para mufasir dan pengkaji supaya berusaha menarik perhatian para pembaca bagi mendalami lagi perbahasan tafsir yang diikuti dengan cara memberikan ulasan dari sudut hubungkait atau hikmat tersirat di sebalik riwayat-riwayat yang ditemukan berkaitan *fada'il* sesuatu surah dengan objektif, tema atau kandungan surah berkenaan. Usaha ini akan memberi nilai tambah kepada kualiti tafsir yang dikemukakan, serta menarik minat yang lebih kuat dari dalam diri pembaca untuk lebih serius bertadabbur tentang kehebatan atau ketuntasan sesuatu surah dalam menyampaikan maksud serta melunaskan objektifnya dalam diri setiap pembaca.

Sebagai contoh, ketika mengemukakan hadis berkaitan pembersihan diri dari sifat munafik sebagai sebahagian dari *fada'il* surah ini. Pengkaji sayugia menarik perhatian pembaca mengenai persoalan munafik yang menjadi sebahagian dari tema dan kandungan utama surah ini. Perkaitan isu munafik dengan objektif utama surah ini juga perlu diperjelaskan dan sampel ayat yang mengangkat tema munafik dalam surah ini boleh dikemukakan sebagai pengenalan kepada perbahasan tuntas yang akan diberikan di tempatnya nanti. Dalam hubungan ini, ayat yang memberikan fokus kepada perbahasan mengenai sikap dan sifat orang munafik ialah pada ayat 8-20. Selain itu, di bawah tema lain atau pada ayat-ayat lain dalam al-Baqarah, isu berkaitan munafik turut disentuh bagi menambahkan lagi usaha pembersihan sifat ini dari generasi umat Nabi Muhammad SAW selaku pewaris kepemimpinan manusiawi. Misalnya dalam ayat ke-76 ketika membicarakan tentang sikap Bani Israel terhadap dakwah Rasulullah SAW, sifat hampir sama dengan golongan munafik turut terserlah pada tingkah laku mereka. Firman Allah SWT:

وَإِذَا لَعُؤا الَّذِينَ آمَنُوا قَالُوا آمَنَّا وَإِذَا خَلَا بِبَعْضِهِمْ إِلَى بَعْضٍ قَالُوا أَتُحَدِّثُونَهُمْ بِمَا فَتَحَ اللَّهُ عَلَيْكُمْ لِيُحَاجُّوكُمْ بِهِ عِنْدَ رَبِّكُمْ أَفَلَا تَعْقِلُونَ.

Maksudnya: *Dan apabila mereka (orang-orang Yahudi pada zaman Rasulullah) bertemu dengan orang-orang yang beriman, mereka berkata: "Kami telah beriman"; dan apabila mereka berjumpa sesama sendiri, mereka berkata: "Patutkah kamu ceritakan kepada mereka (orang-orang Islam) dengan apa yang telah diterangkan oleh Allah kepada kamu (di dalam Kitab Taurat mengenai kebenaran Nabi Muhammad) untuk menjadikannya hujah (bukti) yang dapat mengalahkan kamu di sisi Tuhan kamu? Tidakkah kamu berakal?"*

Ayat ini memberi petunjuk bahawa pendekatan munafik turut digunakan oleh golongan Yahudi di zaman Rasulullah SAW sebagai strategi untuk melumpuhkan umat Islam dan daulah mereka dari

dalam⁶². Dari sini dapat dipersembahkan kepada para pembaca tentang bahaya sifat munafik serta bagaimana surah al-Baqarah merawat penyakit ini atau dengan kata lain, bagaimana penyakit ini dapat dibersihkan dari masyarakat penegak Islam dan pemimpin umat melalui surah al-Baqarah.

Sebagai tambahan, jika diteliti pada riwayat berkaitan *fadilah* ini, ianya juga turut mengaitkan surah Al Imran dengan *fadilah* yang sama. Justeru, amat menarik jika usaha pembersihan masyarakat dari golongan munafik ini dibandingkan pendekatannya, antara yang disarankan oleh surah al-Baqarah dengan apa yang disarankan oleh surah Al Imran. Malah tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa perbandingan antara dua surah dalam persoalan ini boleh diangkat sebagai sebuah kajian ilmiah.

Dalam keghairahan masyarakat yang semakin meningkat untuk *tadabbur* Quran, usaha mengaitkan *fada'il* yang diriwayatkan bagi sesuatu surah untuk dijadikan dorongan amalan oleh masyarakat, dengan aspek pemahaman terhadap maksud yang terkandung serta hikmah yang tersirat di dalam surah terbabit, akan meningkatkan lagi keyakinan masyarakat Islam terhadap Kitab Suci mereka, serta mengukuhkan lagi penghayatan mereka dan meluaskan lagi penerokaan ilmu mereka berteraskan petunjuk darinya.

RUJUKAN

Abu al-Baqā' al-Kafawīyy, Ayyub Bin Musa. T.th. *al-Kullīyyat Mu'jam Fi al-Mustalahat Wa al-Furuq al-Lughawīyyah*. Tah. Darwish, Adnan & al-Misriyy, Muhammad. Beirut: Mu'assasat al-Risalah.

Abu Ubayd, al-Qasim Bin Salam. T.th. *Fada'il al-Qur'an Wa Ma'alimuh Wa Adabuh*. Tah. Al-Khayatiyy, Ahmad Bin Abdul Wahid. Maghribi: Wizarat al-Awqaf Wa al-Shu'un al-Islamiyyah.

Ibn Ashur, Muhammad al-Tahir Bin Muhammad. 1984. *Al-Tahrir Wa al-Tanwir Min Ilm al-Tafsir*. Tunisi: al-Dar al-Tunisiyyah Li al-Nashr.

Ibn Kathir, Ismail Bin Umar. 1420H/1999. *Tafsir al-Qur'an al-Azim*. Tah. Salamah, Sami Bin Muhammad. T.tp.: Dar Tibah Li al-Nashr Wa al-Tawzi'.

Ibn Kathir, Ismail Bin Umar. 1416H. *Fada'il al-Qur'an*. T.tp.: Maktabat Ibn Taymiyyah.

Jama'ah Min Ulama' al-Tafsir. 1439H. *Al-Mukhtasar Fi Tafsir al-Qur'an al-Karim*. Riyadh: Markaz Tafsir Li al-Dirasat al-Qur'aniyyah.

Al-Jaza'iriyy, Muhammad Bin Maymun. 1981. *Al-Tuhfat al-Mardiyyah Fi al-Dawlah al-Bakdashīyyah Fi Bilad al-Jaza'ir al-Mahmiyyah*. Algeria: al-Sharikah al-Wataniyyah Li al-Nashr Wa al-Tawzi'.

⁶² Lihat: Ibn Kathir. *Tafsir al-Qur'an al-Azim*. Jld. 1. Hlm. 308-310.

Al-Jazriyy, Shamsuddin. *Al-Mas'ad al-Ahmad Fi Khatm Musnad al-Imam Ahmad*. Dlm: Al-Shaybaniyy, Ahmad Bin Muhammad Bin Hanbal. 1416H/1995. *Musnad al-Imam Ahmad*. Tah. Shakir, Ahmad Muhammad. Kaherah: Dar al-Hadith.

Al-Khalidiyy, Salah Abd al-Fattah. 1433H/2012. *Al-Tafsir al-Mawdu'iyy Bayn al-Nazariyyah Wa al-Tatbiq*. Amman: Dar al-Nafa'is.

Majma' al-Lughah al-Arabiyyah. T.th. *Al-Mu'jam al-Wasit*. Kaherah: Dar al-Da'wah.

Al-Naysaburiyy, Muslim Bin al-Hajjaj. T.th. *al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar Bi Naql al-Adl An al-Adl Ila Rasul Allah Sallah Allah Alayh Wa Sallam*. Tah. Abdul Baqiy Muhammad Fu'ad. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-Arabiyy.

Nur al-Al-Din Abd al-Qadir. T.th. *Safahat min Tarikh Madinat al-Jaza'ir Min Aqdam Usuriha Ila Intiha' al-Ahd al-Turkiyy*. Algeria: Dar al-Hadarah.

Qal'ajiy, Muhammad Rawas & Qunaybiyy, Hamid Sadiq. 1408H/1988. *Mu'jam Lughat al-Fuqaha'*. T.tp.: Dar al-Nafa'is Li al-Tiba'ah Wa al-Nahsr Wa al-Tawzi'.

Rida, Ahmad. 1379H/1960. *Mu'jam Matn al-Lughah*. Beirut: Dar Maktabat al-Hayah.

Al-Sabuniyy, Muhammad Aliyy. 1402H/1981. *Mukhtasar Tafsir Ibn Kathir*. Beirut: Dar al-Qur'an al-Karim.

Al-Suyutiyy, Abdul Rahman Bin Abu Bakr. 1403H. *Tabaqat al-Huffaz*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Al-Tha'alibiyy, Abdul Rahman Bin Muhammad. 1418H. *al-Jawahir al-Hisan Fi Tafsir al-Qur'an*. Tah. Mi'wad, Muhammad Aliyy & Abdul Mawjud, Adil Ahmad. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-Arabiyy.

Al-Tayyar, Musa'id Bin Sulayman. 1427H. *Mafhum al-Tafsir Wa al-Ta'wil Wa al-Istibat Wa al-Tadabbur Wa al-Mufasssir*. Arab Saudi: Sar Ibn al-Jawziyy Li al-Nashr Wa al-Tawzi'.

Al-Zahabiyy, Muhammad Husayn. T.th. *al-Tafsir Wa al-Mufasssirun*. Kaherah: Maktabat Wahbah.

<https://ar.wikipedia.org/wiki/%D8%A8%D8%B5%D8%B1%D9%89> (6/8/2020).

<https://www.telagabiru.com.my/products/tafsir-ibnu-katsir-edisi-telaga-biru> (6/8/2020).